

Gesa selenggara Sungai Langat

Penduduk mahu JPS bertindak segera bagi atasi masalah banjir kilat

Oleh Sarah Sulaiman

sarahsulaiman@bharian.com.my

HULU LANGAT: Ribuan penduduk yang terjejas akibat banjir kilat terburuk yang berlaku di daerah ini baru-baru ini, menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Hulu Langat segera melaksanakan Projek Lembangan Sungai Langat bagi mengelak banjir kilat berulang lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Kema-
juan dan Keselamatan Kampung
Persekutuan (JKKKP) Kampung
Batu 13 Dusun Tua, Jalaluddin
Baharuddin, berkata keadaan Su-
ngai Langat yang semakin cetek
tanpa kerja penyelenggaraan perlu
dipandang serius berikutan ia mem-
beri kesan buruk kepada penduduk
jika tidak segera ditangani.

“JPS seharusnya segera berusaha menjalankan kerja membaikpulih sistem saliran sungai termasuk membaiki tebing dan memeriksa kedalaman sungai supaya dapat mengatasi masalah banjir kilat yang mungkin berulang jika tiada penyelesaian diambil.



*Semua punca banjir kilat
terutama aliran sungai dan
sungai yang semakin cetek perlu
diatasi pihak terbabit sebelum
keadaan bertambah buruk
pada masa depan*



Jalaluddin Baharuddin

Pengerusi JKKK P Kampung Batu 13 Dusun Tua

“Semua punca banjir kilat teruta-
ma aliran sungai dan sungai yang
semakin cetek perlu diatasi pihak
terbabit sebelum keadaan bertam-
bah buruk pada masa depan,” kata-
nya.

Pengerusi JKKKP Kampung
Dusun Nanding, Abd Rahman
Jaafar pula berkata, aliran deras
yang tidak terurus di sungai yang
semakin cetek berdekatan kampung
terbabit memberi kesan buruk
dalam kejadian banjir kilat pada 7
Mac lalu selepas paras air naik men-
dadak dalam tempoh singkat.

“Kebanyakan penduduk berharap
Sungai Langat yang sudah lama
dibiarkan itu perlu diselenggara
segera berikutan ia semakin cetek
selepas pasir hasil kerja tanah
yang tidak dipantau, disalurkan
ke sungai, sekali gus merendahkan

kemampuan aliran sungai terbabit,
“ katanya.

Pengerusi JKKKP Kampung Batu
17 Dusun Tua, Ismail Hassan, berka-
ta kelemahan aliran sungai itu perlu
dikaji segera bagi mengelak anca-
man banjir kilat pada masa depan,
malah pihaknya menerima banyak
aduan berhubung masalah terbabit.

Sementara itu, Ahli Dewan
Undangan Negeri (ADUN) Dusun
Tua, Ismail Sani, yang diminta
mengulas masalah terbabit berkata,
pihaknya akan menyiapkan kertas
kerja sokongan selewat-lewatnya
akhir bulan ini, bagi menggesa JPS
Selangor menyegerakan pelaksa-
naan Projek Lembangan Sungai
Langat, sekali gus menjaga kepen-
tingan rakyat di situ yang menga-
lami kerugian setiap kali berdepan
banjir kilat.